

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SENTRAL)

TARIKH: 14 OGOS 2017

MUKA SURAT: 37

Rayu DBKL lanjutkan tempoh kosong unit transit PPR

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dirayu agar melanjutkan tempoh pengosongan unit bagi 23 keluarga penghuni transit projek perumahan rakyat (PPR).

Presiden Pertubuhan Pencegahan Jenayah Kebangsaan, Aliff Mohd Tafid berkata, 23 keluarga berkenaan merupakan generasi kedua penduduk flat Kerinchi 4 tingkat yang terlibat dengan pembangunan semula sebelum ini.

Menurutnya, penduduk menerima notis mengejut dan diberi

tempoh selama 2 minggu bermula dari 8 Ogos 2017.

"Mereka diarahkan berpindah pada bulan Januari 2017 dengan hanya maklumat mulut tanpa surat rasmi, sedangkan ketika itu dan sehingga kini rumah-rumah baru mereka masih banyak perlu diperbaiki.

"Masalah timbul kerana tidak lama lagi Hari Raya Haji dan anak-anak masih bersekolah. Agak rumit untuk proses pemindahan ditambah pula kebanyakannya adalah warga emas serta kurang mampu," katanya

dalam satu kenyataan media.

Katanya, perkara ini juga perlu diambil serius oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan memandangkan pilihan raya umum juga tidak lama lagi.

Katanya, disebabkan itu juga pihaknya memohon kepada pemaju dan DBKL agar memberi lanjutan sekurang-kurangnya sehingga hujung tahun ini.

"Ia bagi memudahkan penduduk menguruskan hal-hal berkaitan termasuk urusan persekolahan anak-anak," katanya.